

Tajuk : Keunggulan UNIMAS pikat pelajar asing

Keunggulan UNIMAS pikat pelajar asing

KOTA SAMARAHAN: Keunikan budaya dan keunggulan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya meminat hati pelajar-pelajar asing untuk memilih universiti terbabit sebagai 'gedung' menimba ilmu.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid berkata, UNIMAS bukan sahaja sebuah universiti yang bersifat dinamik dan berpandangan jauh, malah terletak di negeri yang memiliki keunikan budaya rakyatnya.

"Kami amat berbangga dan gembira menerima anda (pelajar) terutamanya pelajar asing untuk melanjutkan pengajian di sini (UNIMAS)," katanya berucap pada Majlis Ikrar Pelajar Ambilan Februari Sesi 2011-2012 di kampus terbabit, di sini semalam.

Khairuddin menarik perhatian, pengambilan sesi itu menyaksikan seramai 17 orang pelajar antarabangsa yang berasal dari pelbagai negara di seluruh pelosok dunia.

Pelajar-pelajar terbabit adalah dari negara Tajikistan, Kyrgyzstan, Bangladesh, Perancis, China, Indonesia, Nigeria dan Eritrea.

"Kehadiran pelajar-pelajar dari pelbagai negara itu jelas membuktikan bahawa UNIMAS merupakan pusat pengajian tinggi tersohor di peringkat antarabangsa," katanya.

Justeru, katanya, pelajar-pelajar yang terpilih mengikuti pengajian pelbagai jurusan di universiti terbabit harus menggunakan sepenuhnya peluang untuk menimba ilmu.

"Saya percaya para pelajar yang berjaya melangkah ke universiti ini akan menghadapi cabaran dan persaingan yang lebih getir di peringkat globalisasi," katanya.

Seramai 303 pelajar dari seluruh tanah air termasuk Sabah dan Sarawak serta pelajar asing mendaftar bagi sesi terbabit.

Fakulti yang terlibat dalam pengambilan pelajar baharu itu ialah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP), Fakulti Sains Sosial (FSS) dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK).

Sehubungan itu, Khairuddin menambah UNIMAS sudah pastinya melaksanakan pelbagai program akademik terbaik bagi meningkatkan pembangunan sahsiah pelajar cemerlang.

Beliau berkata, di samping menimba ilmu para pelajar universiti terbabit juga bakal mengharungi pelbagai program dalam melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang berketrampilan.

"Saya berharap pelajar-pelajar akan menggunakan sebaik-baiknya peluang menimba pengalaman di UNIMAS, agar mampu menjadi seorang pelajar yang lebih cemerlang pada masa depan," katanya.